

# Kadar awal subsidi munasabah: Saifuddin

Kerajaan sedia pertimbang jumlah lebih tinggi jika kewangan kukuh

Oleh Norhafzan Jaafar hafzan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedia mempertimbangkan kadar subsidi lebih tinggi bagi Program Subsidi Petrol (PSP) sekiranya kedudukan kewangan negara lebih kukuh atau berlaku kenaikan harga minyak dunia pada masa depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan sentiasa bersikap terbuka dalam soal kepentingan rakyat dan menjelaskan kadar subsidi yang ditetapkan sebagai permulaan program itu adalah munasabah.

"Keputusan pemberian kadar berkenaan adalah berdasarkan harga minyak sekarang, bila harga minyak naik, pendapatan negara juga akan meningkat.

Dalam pemberian subsidi ini kita mengamalkan dasar terbuka dan akan membuat penyesuaian mengikut harga minyak semasa," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai gesaan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) supaya kerajaan memberikan kadar subsidi lebih tinggi kepada penerima PSP dengan mengambil kira kadar kos sara

hidup yang semakin tinggi dihadapi rakyat ketika ini.

FOMCA menyifatkan kadar subsidi RM30 bagi kereta dan RM12 bagi motosikal seperti yang diumumkan kerajaan sebagai rendah.

Saifuddin Nasution berkata, sebagai permulaan nilai subsidi RM30 sebulan adalah untuk penggunaan 100 liter petrol bagi kenderaan berkuasa rendah di bawah 1600 cc.

Beliau berkata, subsidi bersamaan dengan dua kali isi penuh itu adalah munasabah untuk kegunaan harian golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) seperti pergerakan ke pejabat dan untuk menghantar anak ke sekolah.

Katanya, keutamaan kerajaan adalah untuk memastikan supaya subsidi petrol dapat dinikmati golongan sasaran, sekali gus mengurangkan beban kos sara hidup isi rumah berpendapatan RM4,000 ke bawah dan golongan orang kurang upaya (OKU) yang memiliki kenderaan.

"Perlu diingat bahawa daripada 1.2 bilion liter petrol yang digunakan setiap bulan di Semenanjung Malaysia, sebanyak 90 peratus daripadanya dinikmati pengguna kereta dengan kapasiti tinggi yang juga pemilik kenderaan mewah yang mendapat manfaat subsidi RON95.

"Mereka sebelum ini menik-

mati subsidi lebih besar berbanding golongan berpendapatan rendah seperti ibu tunggal misalnya yang hanya memiliki Myvi dengan tangki kecil," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, FOMCA sebagai persatuan pengguna seharusnya membantu kerajaan mendidik rakyat untuk memahami perbezaan berkenaan.

Ditanya mengenai ketepatan dan ketelusan data yang digunakan kerajaan untuk memastikan hanya golongan sasaran mendapat manfaat PSP, Saifuddin Nasution berkata sejak tujuh tahun lalu kerajaan mengesan golongan B40 menerusi senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang dulunya dikenali sebagai Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M).

"Memang diakui data yang ada tidak sempurna tetapi kerajaan melakukan silang semak dengan agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi mengesahkan pemilihan kenderaan selain turut disahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).


"Kita membuat tapisan dan bandingkan data milikan kenderaan JPJ dan nama yang tersenarai dalam penerima BSH," katanya.

Beliau turut bersetuju dengan cadangan sesetengah pihak supaya program subsidi petrol ini turut diperluaskan kepada golongan isi rumah kumpulan sederhana (M40).

"Kita ambil pengalaman ini dulu, kalau rakyat dapat bagi sokongan terhadap pelaksanaan ini saya yakin kerajaan akan memberi pertimbangan serius untuk kembangkan kepada M40 pada masa hadapan," katanya.

**Keputusan pemberian kadar berkenaan adalah berdasarkan harga minyak sekarang, bila harga minyak naik pendapatan negara juga akan meningkat.**

**Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**



Laporan disiarkan BH, semalam.